

KENYATAAN MEDIA

9 APRIL 2018

Prestasi Bekalan Elektrik di Sabah Bertambah Baik

Kuala Lumpur, 9 April - Pencapaian prestasi bekalan elektrik di Sabah didapati meningkat dan lebih baik pada tahun 2017, berbanding pada tahun sebelumnya.

Pencapaian itu dapat dilihat melalui rekod *System Average Interruption Duration Index (SAIDI)* bagi negeri Sabah yang mencatatkan 240.9minit/pelanggan untuk tahun 2017, iaitu penurunan sebanyak 22.5% berbanding tahun 2016 iaitu 311.01minit/pelanggan.

Pencapaian ini didorong oleh lebih 26 inisiatif berkaitan infrastruktur dengan lebih daripada 300 projek telah dibangunkan sejak awal 2017 termasuk penukaran dan penambahbaikan kabel-kabel penghantaran.

SAIDI merupakan indeks yang digunakan untuk menilai kadar gangguan bekalan yang dialami oleh seseorang pengguna dalam setahun. Jumlah SAIDI yang lebih rendah bermakna prestasi bekalan yang lebih baik.

Daripada jumlah SAIDI tersebut, masa gangguan paling tinggi dicatatkan di bahagian pembahagian (distribution) dengan 227.08minit/pelanggan atau 94%, diikuti bahagian penghantaran (transmission) dengan 10.12minit/pelanggan atau 4% dan bahagian penjanaan (generation) dengan 3.7minit/pelanggan atau 2%.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11), Kerajaan menyasarkan penurunan SAIDI Sabah kepada 100 minit bagi setiap pelanggan setahun menjelang tahun 2020. Oleh itu, Kerajaan telah melantik pihak PEMANDU untuk mengadakan makmal khusus Lab SAIDI 100 dari 17 Julai 2017 hingga 11 Ogos 2017 untuk mengkaji dan mengenal pasti inisiatif-inisiatif tambahan yang boleh dilaksanakan bagi mencapai sasaran tersebut.

Selain itu, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dengan kerjasama Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) juga telah melaksanakan inisiatif program TF 150 yang bertujuan untuk menurunkan SAIDI di Kota Kinabalu, Labuan, Tawau, Sandakan, Tuaran, Papar, Kota Belud dan Kota Marudu kepada 150 minit setiap pelanggan setahun pada tahun 2018.

Semua usaha-usaha ini bertujuan untuk meningkatkan pencapaian bekalan elektrik di Sabah dengan menurunkan SAIDI negeri Sabah kepada 100 minit setiap pelanggan setahun menjelang tahun 2020. Melalui makmal yang dilaksanakan oleh Pemandu pula, inisiatif-inisiatif tambahan telah dikenal pasti bagi melengkapkan usaha-usaha yang telah diambil hingga kini.

*****Tamat*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Siti Suhaila Ahmad/Zairulliati Mali/Syarizman Mansor

Unit Promosi & Komunikasi

Tel: +603-8870 8500/8554/8598/8537/+6013 2183778 (Zairulliati)/+6019 3134543 (Syarizman)

Faks: +603 8888 8636

Emel: sitisuhaila@st.gov.my / zairulliati@st.gov.my / ritz@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, terutamanya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.